

Headline	Azman Hashim terima ijazah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Color	Full Color
Page No	17	ArticleSize	76 cm ²
AdValue	RM 1,516	PR Value	RM 4,548



Azman Hashim terima ijazah

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim (**gambar**) telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Falsafah dalam Kewangan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Anugerah itu telah disampaikan oleh Presiden UIAM, Tan Sri Dr. Rais Yatim pada majlis



konvokesyen UIAM kali ke-29, Sabtu lalu.

AmBank dalam kenyataan akhbar di sini menyatakan, ijazah kehormat itu merupakan yang keempat telah diterima oleh Azman.

Azman pernah dianugerahkan ijazah doktor kehormat dalam falsafah daripada Universiti Utara Malaysia pada 1985, Doktor Kehormat dalam Pengurusan Perniagaan (UKM 2004) dan Doktor Kehormat dalam Pengurusan daripada Universiti Malaya pada Oktober lalu.

Selain itu, beliau turut mendapat pelbagai penganugerahan dari universiti-universiti lain.